

MINGGU	1
TARIKH	22/3/2022
SUBJEK	KSSMPK PENDIDIKAN SAINS SOSIAL DAN ALAM SEKITAR
KELAS	PK T5
GURU	PN. FADZLIZA BINTI CHIK TAK
NAMA MURID	

UNIT 1 : MANUSIA

1.1 Kehamilan

Link Video pembelajaran : <https://www.youtube.com/watch?v=5TFyuEXXt1E>



1.1 Kehamilan

1.1.1 Maksud kehamilan

Kehamilan ialah keadaan seorang wanita membawa janin dalam rahim mereka. Janin terhasil daripada persenyawaan sperma dan ovum. Kehamilan berlaku selama sembilan bulan, iaitu dalam tempoh 40 minggu.


Celik Ilmu
Pakar perubatan menggunakan tarikh haid terakhir seorang wanita sebagai titik permulaan kehamilan.


Carian Internet
Taipkan perkataan "KEHAMILAN" dan baca maklumat mengenainya di Internet.


Apakah perbezaan kehamilan manusia dan haiwan dari segi tempoh kehamilan?

1.1.2 Perkembangan kehamilan

Masa kehamilan boleh dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu trimester pertama, trimester kedua dan trimester ketiga. Tempoh setiap satu trimester atau peringkat kehamilan ialah selama 13 minggu.



Trimester pertama (minggu 1 hingga 13)

- Minggu 1 hingga 3**
Zigot terbentuk.
- Minggu 4 hingga 8**
Lengan dan kaki janin terbentuk.
- Minggu 9 hingga 12**
Embrio terbentuk, jantung janin mula berdegup dan tulang belakang terbentuk.
- Minggu 13**
Alat kelamin janin telah terbentuk walaupun belum lengkap.

Berdasarkan NOTA 1, bulatkan jawapan yang betul dan tepat.

1. Apakah maksud kehamilan?
 - a) Seorang wanita dewasa yang telah berkahwin
 - b) Keadaan seorang wanita membawa janin dalam rahim mereka
 - c) Seorang wanita yang sakit perut
2. Janin terhasil daripada persenyawaan sperma dan _____.
 - a) Ovum
 - b) Ovari
 - c) Testis
3. Kehamilan berlaku selama _____ bulan, iaitu dalam tempoh 40 minggu.
 - a) 20
 - b) 19
 - c) 9
4. Masa kehamilan boleh dibahagikan kepada _____ fasa.
 - a) tiga
 - b) empat
 - c) lima
5. Tempoh setiap satu trimester atau peringkat kehamilan ialah selama _____.
 - a) 11 minggu
 - b) 12 minggu
 - c) 13 minggu
6. Zigot terbentuk semasa minggu _____.
 - a) 1 hingga 3
 - b) 9 hingga 12
 - c) 4 hingga 8
7. Pada minggu ke 4 hingga 8, _____ terbentuk.
 - a) embrio dan jantung
 - b) lengan dan kaki
 - c) alat kelamin
8. Trimester pertama adalah antara _____.
 - a) Minggu 14 - 27
 - b) Minggu 1 - 13
 - c) Minggu 28 - 40